



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 MAC 2023 (SELASA)




KERATAN AKHBAR (KPDN)

28 MAC 2023 (SELASA)

Hanya terima 400,000 biji sehari di bulan Ramadan berbanding 600,000 biji sebelum ini

Orang Terengganu tidak cukup telur



PEGAWAI penguat kuasa KDPN melakukan pemeriksaan bekalan telur ayam di premis perniagaan di sekitar Kuala Terengganu semalam.

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Terengganu mula menghadapi masalah kekurangan bekalan telur ayam pada minggu pertama bulan Ramadan ini dengan hanya 400,000 biji berada di pasaran pada setiap hari.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KDPN) negeri, Saharuddin Mohd. Kia berkata, bekalan telur ayam tersebut tidak memadai dengan permintaan harian penduduk negeri ini iaitu kira-kira satu juta.

Beliau berkata, bekalan sebanyak 400,000 biji telur ayam itu juga jauh lebih rendah berbanding 600,000 biji sehari yang dibekalkan di negeri ini sebelum ketibaan bulan Ramadan.

"Terengganu tidak mempunyai industri ayam penelur dan terpaksa membawa masuk telur daripada negeri-negeri lain seperti Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, dan Perak.



Terengganu tidak mempunyai industri ayam penelur dan terpaksa membawa masuk telur daripada negeri-negeri lain seperti Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, dan Perak."

"Begitupun permintaan tinggi di negeri pengguna telur ayam terabit pada masa ini menyebabkan mereka terpaksa menumpukan pasaran tempatan menyebabkan bekalan di Terengganu telah berkurangan secara drastik," katanya di sini semalam.

Saharuddin berkata, penurunan bekalan sehingga 33 peratus tersebut telah memberi kesan lebih besar kepada pengguna.

Jelas beliau, ia disebabkan permintaan telur ayam turut meningkat mendadak dalam

kalangan peniaga bazar Ramadan dan pengusaha biskut raya tempatan.

"Begitupun, pemeriksaan mendapati telur ayam masih boleh diperolehi pengguna dengan hanya masing-masing satu pemborong dan peruncit di negeri ini yang benar-benar sudah kehabisan stok.

"Kebanyakan pemborong juga telah mengambil inisiatif menempah daripada pengusaha dengan bayaran tunai agar bekalan telur ayam kekal stabil di pasaran," katanya.

Sehubungan itu, Saharuddin menasihatkan pengguna terutama golongan peniaga tempatan tidak melakukan pembelian panik yang akan memburukkan lagi keadaan.

Beliau juga bertegas agar pemborong dan peniaga agar tidak ambil kesempatan menaikkan harga kerana telur ayam merupakan barang kawalan.

"Kita akan sentiasa pantau pembekal dan pemborong di negeri ini," jelasnya.

KPDN terima 99 aduan harga makanan di bazar Ramadan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) menerima 99 aduan berkaitan harga makanan yang dijual di bazar Ramadan seluruh negara selepas lima hari umat Islam berpuasa.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pegawai dan penguasa KPDN akan sentiasa memantau harga serta mengambil pendekatan memberi nasihat kepada peniaga.

"Bukan denda atau rampas. Kita akan menasihati mereka agar tidak mengulanginya," katanya ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Bazar Ramadan Rahmah (BRR) Peringkat Kebangsaan di Presint 14, di sini pada Isnin.

Menurutnya, nasi ayam berempah yang tular dijual pada harga RM15 sebungkus baru-baru ini adalah kes terpencil.

"Apabila pegawai pergi membuat semakan, gerai tersebut tidak lagi dibuka," katanya.

Beliau berkata, harga patut bagi nasi dengan

ayam serta sayur adalah paling tinggi RM9 sebungkus.

"Tetapi kalau harga RM15, itu tidak berpatutan," katanya.

Sabtu lalu, tular mengenai nasi ayam berempah yang dijual pada harga tidak masuk akal kerana ayam berempah tersebut bukan bersaiz besar sementara begedilnya cuma besar sedikit daripada duit syiling 50 sen lama. Tempe pula panjangnya tidak sampai sejengkal.

Lazimnya sebelum ini ayam menjadi lauk pilihan majoriti rakyat marhaen kerana harganya lebih murah.

Sementara itu, mengulas mengenai BRR, Salahuddin berkata, ia merupakan inisiatif terbaru kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan menyediakan pilihan hidangan untuk berbuka puasa pada harga murah serta berpatutan.



Salahuddin menunjukkan salah satu Menu Rahmah iaitu putu mayang yang dijual di Bazar Ramadan Rahmah Presint 14, Putrajaya pada Isnin.

Bekalan ayam cukup hingga Hari Raya Aidilfitri

Johor Bahru: Bekalan ayam mentah di seluruh negara dijangka mencukupi hingga menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri akhir bulan depan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Justeru, beliau berkata, rakyat tidak perlu bimbang mengenai bekalan itu, memandangkan data menunjukkan bekalan mencukupi sehingga tempoh perayaan akan datang.

Beliau sekali gus membidas dakwaan segelintir peniaga mengenai bekalan ayam tidak mencukupi sebagai sebab menaikkan harga yang disifatkan tidak sepatutnya berlaku.

"Saya mendapat maklumat terperinci pada hari ini daripada Jabatan Veterinar selepas KPDN berkongsi maklumat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Maka-

nan (Mafas).

"Secara rasminya data menunjukkan bekalan cukup sehingga hari raya ini," katanya selepas mengedarkan kurma pada pengunjung dan peniaga Bazar Ramadan Taman Perlis di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Pulai itu berkata, setiap aduan dipandang serius KPDN, justeru sekiranya perkara itu berlaku, rakyat dan peniaga diminta melaporkannya kepada KPDN.

"Kerana kita bimbang (kalau ada) isu tempatan atau tempat-tempat tertentu, itu tidaklah menggambarkan mengenai isu sebenarnya. Kadang-kadang, ada masalah di antara pembekal dengan peruncit, mungkin akibat daripada mereka lambat bayar ataupun bekalan tidak cukup, mungkin itu berlaku di tempat-tempat tertentu," kata Salahuddin.



SALAHUDDIN (kanan) mengedarkan buah kurma kepada peniaga di Bazar Ramadan Perlis Mall, Johor Bahru.



TERENGGANU mendapat bekalan telur ayam dari pengusaha ladang di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak.

Perlu satu juta telur ayam sehari

Bekalan di Terengganu turun 33 peratus pada Ramadan: KPDN

Kuala Terengganu

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu mengakui terdapat penurunan hingga 33 peratus bekalan telur ayam di negeri ini pada bulan Ramadan berikutnya terdapat kekurangan bekalan daripada pihak pembekal.

Pengaruhnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, dianggarkan keperluan telur ayam rakyat Terengganu adalah satu juta biji sehari dan bekalan yang diterima kira-kira 600,000 biji dan bekalan itu

menurun pada Ramadan iaitu kira-kira 400,000 biji.

"Untuk makluman, di Terengganu tiada perternakan ayam penelur dan Terengganu mendapat bekalan telur ayam dari pengusaha ladang di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak.

"Maklum balas yang diterima daripada pihak pemborong telur ayam menyatakan faktor utama berlakunya penurunan mendadak ini kerana kekurangan bekalan diterima dari pembekal iaitu pengusaha ladang. Ia adalah disebabkan permintaan telur ayam yang se-

makin meningkat pada bulan Ramadan dan pihak ladang lebih mengutamakan pasaran setempat," katanya dalam kenyataan.

Saharuddin berkata, pembelian melebihi kadar biasa oleh pengguna, pengusaha perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta pengusaha bazar Ramadan turut menyebabkan premis tertentu kehabisan bekalan telur ayam lebih awal sebelum bekalan seterusnya diperoleh sebagaimana dijadualkan.

Bagaimanapun, katanya, hasil pemeriksaan yang dijalankan pada hari ini mendapati hanya satu daripada

13 pemborong telur ayam yang kehabisan bekalan manakala hanya satu daripada 39 peruncit terpilih yang kehabisan bekalan.

"Malah premis berkenaan sudah membuat tempahan dan peladang serta pemborong akan membuat edaran dalam masa terdekat," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan pengguna untuk melakukan pembelian telur ayam secara berhemah dan peniaga diingatkan tidak mengambil kesempatan atas situasi ini dengan menjadikan alasan untuk menaikkan harga.

Bekalan telur ayam di Terengganu berkurangan 33 peratus

KUALA TERENGGANU: Pengguna di Terengganu dijangka menghadapi kesukaran mendapatkan telur ayam di pasaran apabila jumlah bekalan dihantar di negeri ini berkurangan sebanyak 33 peratus pada Ramadan ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Negeri Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, bekalan harian telur ayam yang diterima ketika ini kira-kira 400,000 biji.

Menurutnya, jumlah itu tidak mencukupi berbanding bekalan 600,000 biji yang dihantar sebelum ini.

Katanya, keperluan harian bekalan telur ayam penduduk Terengganu dianggarkan satu juta biji sebulan.

"Pemborong telur ayam memaklumkan faktor utama berlakunya penurunan mendadak itu adalah kerana kekurangan bekalan yang diterima daripada pembekal iaitu pengusaha ladang.

Selain itu, Saharuddin memberitahu, tiada penternakan ayam penelur di Terengganu dan bekalan telur ayam diterima daripada pengusaha ladang di



ANGGOTA penguat kuasa KPDN Terengganu memeriksa bekalan telur ayam dijual di sebuah premis di Kuala Terengganu, hari ini.

Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, dan Perak.

Tambahnya, pembelian melebihi kadar biasa oleh pengguna, pengusaha PMKS serta peniaga bazar Ramadan juga menyebabkan

Bagaimanapun, katanya, hasil pemeriksaan KPDN semalam pula mendapat daripada 13 pemborong telur ayam dan 39 peruncit terpilih di negeri ini, hanya satu pemborong dan satu peruncit sa-

haja yang kehabisan bekalan.

"Premis berkenaan sudah membuat tempahan dan peladang atau pemborong akan membuat edaran dalam masa terdekat. KPDN Terengganu juga sentiasa menjalankan permeriksaan berkaitan keberadaan bekalan telur ayam ke atas 160 peruncit terpilih daerah dan 74 pemborong terpilih daerah di seluruh negeri secara harian," ujarnya.



AHMAD Syukri Mohd. Suzuki menyusun ayam segar yang dijual di gerainya ketika tinjauan bekalan ayam di sekitar Keterengganu. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

Pengguna di Kelantan usah bimbang bekalan ayam stabil, dijual pada harga siling

KOTA BHARU: Pengguna di negeri ini tidak perlu bimbang dengan masalah bekalan ayam segar masih stabil dan mencukupi untuk menampung keperluan penduduk sepanjang Ramadan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di daerah ini dan Pasir Mas mendapati bekalan mudah diperoleh namun harga ayam segar dijual pada harga siling iaitu RM9.40 sekilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang peniaga ayam, Ahmad Zaim Zulkifli, 27, berkata, setakat ini bekalan ayam sepanjang Ramadan ini mencukupi dan dihantar setiap hari oleh pembekal. (

Menurutnya, walaupun peniaga tidak menghadapi masalah dengan bekalan ayam segar, harga ayam masih lagi tinggi.

“Saya tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan sebanyak 100 ekor ayam setiap hari daripada pembekal untuk dijual sepanjang Ramadan ini.

“Sebagai peniaga, saya amat berharap bekalan ayam

segar ini akan mencukupi sehingga Aidilfitri ini serta harga juga dapat diturunkan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Keterengganu, semalam.

Bagi Ahmad Syukri Mohd. Suzuki, 20, berkata, dia tidak mempunyai masalah berhubung bekalan ayam segar sepanjang Ramadan.

“Meskipun kami mendapat harga ayam yang tinggi daripada pembekal, namun kami tetap menjualnya dengan harga di bawah harga siling yang ditetapkan,” ujarnya.

Sementara itu, di Pasar Tasek Raja Pasir Mas mendapati bekalan ayam mentah mudah diperoleh.

Bagaimanapun, ayam itu dijual antara RM9.40 hingga RM9.80 bergantung kepada peniaga.

Peniaga Mohd. Zailani Mohd. Zain, 50, memberitahu, bekalan ayam masih banyak di pasaran namun harganya masih mahal.

Katanya, orang ramai juga dilihat mengambil pendekatan berhati-hati dalam berbelanja.



MEDIA ONLINE (KPDN)

28 MAC 2023 (SELASA)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 28 MAC 2023 | | | |
|-------------------------------------|--|---|-----------------|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 28-Mar | Harga Rahmah, pakaian raya Sabella serendah RM8! | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-rahmah-pakaian-raya-sabella-serendah-rm8-412666%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 28-Mar | KPDN diminta atasi masalah harga barang di Sabah | https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/27/kpdn-diminta-atasi-masalah-harga-barang-di-sabah | UMBORNEO |
| 28-Mar | Malaysia's chicken supply adequate until Hari Raya Puasa, says domestic trade minister | https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-chicken-supply-adequate-sufficient-hari-raya-puasa-cost-living-3376181 | CHANNELNEWSASIA |
| 28-Mar | Bekalan ayam di M'sia mencukupi sehingga Aidilfitri | https://berita.mediacorp.sg/dunia/bekalan-ayam-di-msia-mencukupi-sehingga-aidilfitri-742526 | BERITAMEDIACORP |
| 28-Mar | Six districts on board for Rahmah Bazaar | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/03/27/six-districts-on-board-for-rahmah-bazaar | THESTAR |
| 28-Mar | 'Bazar Ramadan Rahmah' antara produk baharu KPDN untuk rakyat | https://malaysiaga-zette.com/2023/03/27/bazar-ramadan-rahmah-antara-produk-baharu-kpdn-untuk-rakyat/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 28-Mar | Salahuddin Ayub Rasmi Bazar Ramadhan Rahmah di Putrajaya | https://malaysiaga-zette.com/2023/03/27/salahuddin-ayub-rasmi-bazar-ramadan-rahmah-di-putrajaya/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 28-Mar | Bazar Ramadan Rahmah, inisiatif terbaharu kurangkan kos sara hidup rakyat | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60351-bazar-ramadan-rahmah-inisiatif-terbaharu-kurangkan-kos-sara-hidup-rakyat | BERITARTM |

| | | | |
|--------|--|---|-----------------|
| 28-Mar | Bazar Ramadan Rahmah jadi produk terbaru KPDN | https://vt.tiktok.com/ZS8gj2Vc4/ | TIKTOK |
| 28-Mar | PUTRAJAYA, 27 Mac - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Sal-huddin Ayub melancarkan Bazar Ramadan | https://fb.watch/jxVkw7P7VI/ | FB |
| 28-Mar | Rahmah Ramadan Bazaars in 38 locatoins nationwide | https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2176739 | BERNAMA |
| 28-Mar | Bazar Ramadan Rahmah di 38 lokasi seluruh negara | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2176721 | BERNAMA |
| 28-Mar | Bazar Ramadan Rahmah di 38 lokasi seluruh negara | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bazar-ramadan-rahmah-di-38-lokasi-seluruh-negara-412818%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 28-Mar | Rahmah Ramadan bazaars in 38 locations nationwide | https://m.malaysiakini.com/news/660199 | MALAYSIAKINI |
| 28-Mar | Bazar Ramadan Rahmah di 38 lokasi seluruh negara | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/bazar-ramadan-rahmah-di-38-lokasi-seluruh-negara-GJ10800143 | THESUNDAILY |
| 28-Mar | 99 aduan harga makanan diterima | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/251676 | SH |
| 28-Mar | KPDN terima 99 aduan harga makanan di bazar Ramadan | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-terima-99-aduan-harga-makanan-di-bazar-ramadan/ | BULETINTV3 |
| 28-Mar | 5 hari puasa, 99 aduan harga makanan bazar Ramadan | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/950249/5-hari-puasa-99-aduan-harga-makanan-bazar-ramadan | HM |
| 28-Mar | KPDN terima 99 aduan bazar Rama- | https://youtu.be/vlkHeuX_diE | MALAYSIAGAZETTE |

| | | | |
|--------|---|---|-----------------|
| 28-Mar | Libat urus industri sebelum laksana pasar raya Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1082638/libat-urus-industri-sebelum-laksana-pasar-raya-rahmah | BH |
| 28-Mar | Tidak mustahil Pasar raya Rahmah boleh diwujudkan | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/tidak-mustahil-pasar-raya-rahmah-boleh-diwujudkan/ | UMBORNEO |
| 28-Mar | Masa akan tentukan pelaksanaan 'Pasar raya Rahmah' – Salahuddin | https://malaysiagazette.com/2023/03/27/masa-akan-tentukan-pelaksanaan-pasar-raya-rahmah-salahuddin/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 28-Mar | Gerai nasi ayam berempah RM15 sebungkus sudah ditutup | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/gerai-nasi-ayam-berempah-rm15-sebungkus-sudah-ditutup/ | UM |
| 28-Mar | Labuan KPDN seizes 44,000 litres of subsidised diesel | https://www.thesundaily.my/local/labuan-kpdn-seizes-44000-litres-of-subsidised-diesel-BJ10800166 | THESUNDAILY |
| 28-Mar | KPDN tumpas kegiatan seleweng 44,000 liter diesel di Labuan | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1082580/kpdn-tumpas-kegiatan-seleweng-44000-liter-diesel-di-labuan | BH |
| 28-Mar | KPDN Labuan rampas 44,000 liter diesel bersubsidi | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2176742 | BERNAMA |
| 28-Mar | KPDN Labuan rampas 44,000 liter diesel bersubsidi | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/950274/kpdn-labuan-rampas-44000-liter-diesel-bersubsidi | HM |
| 28-Mar | KPDN Labuan rampas 44,000 liter diesel bersubsidi | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/251697 | SH |
| 28-Mar | KPDN Labuan rampas 44,000 liter diesel bersubsidi | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-labuan-rampas-44-000-liter-diesel-bersubsidi-412826%3famp=1 | ASTROAWANI |

| | | | |
|--------|---|---|---------|
| 28-Mar | Labuan KPDN seizes 44,000 litres of subsidised diesel | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2176734 | BERNAMA |
|--------|---|---|---------|